

Mohon projek  
lapangan  
terbang

37

diteruskan

UM 6 DEC 1999

KUALA TERENGGANU 5  
Dis. Bekas Menteri Besar,  
Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad  
berkata, beliau akan menemui Perdana  
Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir  
Mohamad bagi memohon kerajaan  
meneruskan projek pembesaran  
Lapangan Terbang Sultan Mahmud  
di Seberang Takir di sini.

Katanya, pertemuan itu akan dibuat secepat mungkin bagi memastikan peruntukan terhadap projek itu tetap disalurkan kepada negeri ini.

"Projek ini harus diteruskan...kita kena buat kalau tidak peruntukan akan terlepas ke negeri lain... rakyat juga yang rugi," katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapan sempena majlis mengucapkan terima kasih kepada jentera BN Kuala Nerus di sini hari ini.

Semasa menimbulkan perkara itu, salah seorang tetamu yang hadir berteriak "tidak payahlah" namun dijawab Wan Mokhtar mengenai pentingnya projek itu diteruskan.